INDIAN MOVIE NEWS PUBLICATIONS PTE LTD & SATU LAGI

lwn.

THAMILVANI MUNUSAMY & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
HASHIM YUSOFF H
[GUAMAN SIVIL NO: S3-23-02-1998]
22 MEI 1998

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan perintah - Injunksi mareva - Perintah Anton Piller - Samada perintah tidak sah - Samada tidak teratur - Samada terdapat penyekatan fakta-fakta material - Samada plaintif gagal menunjukkan dokumen-dokumen dan aset akan dilarikan atau dimusnahkan*

Ini adalah permohonan oleh defendan untuk mengenepikan perintah *ex parte* injunksi mareva dan Anton Piller, yang antara lain menghalang mereka daripada memindahkan aset-aset mereka dan "membenarkan plaintif membuat pemeriksaan di kediaman dan premis defendan dan merampas dokumen-dokumen dalam milikan defendan". Tidak dinafikan bahawa mahkamah telah membenarkan permohonon plaintif untuk injunksi mareva dan perintah Anton Piller tersebut berdasarkan afidavit plaintif yang mengatakan, antara lain (i) bahawa defendan pada waktu material telah pergi di India dan berkemungkinan akan memindahkan wang-wang dan aset mereka ke negara tersebut; (ii) bahawa, seperti yang tertera dalam 'laporan audit' oleh firma akauntan T Chellapah & Co (dipamirkan), defendan gagal menjelaskan hutang mereka kepada plaintif. Fakta bagaimanapun menunjukkan bahawa, sebelum bertolak ke India, defendan telah memberitahu plaintif bahawa pemergian mereka ke sana adalah untuk bersembahyang, tetapi fakta ini telah tidak dikemukakan kepada mahkamah oleh plaintif. Fakta juga menunjukkan bahawa firma akauntan T Chellapah & Co telah menafikan bahawa 'laporan audit' di atas disediakan oleh mereka. Selain itu, adalah satu kenyataan bahawa pemeriksaan yang dibuat ke atas premis defendan sama sekali tidak disertai oleh seorang peguam dari firma peguam plaintif. Defendan berhujah bahawa, berlandaskan fakta-fakta di atas, perintah *ex parte* di sini tidak boleh kekal wujud dan harus diketepikan.

Diputuskan:

[1] Sesuatu perintah Anton Piller yang "membenarkan plaintif atau wakil-wakilnya memasuki premis defendan", dan tidak sebaliknya memperuntukkan bahawa "defendan dikehendakki membenarkan kemasukan plaintif atau wakil-wakilnya ke premis tersebut", adalah cacat. Begitu juga, kehadiran peguam plaintif ketika pelaksanaan perintah Anton

Piller adalah perlu bagi mempastikan bahawa apa yang berlaku dapat disaksikan oleh seorang yang bertanggungjawab yang juga merupakan seorang pegawai mahkamah.

[2] Plaintif gagal menunjukkan bahawa dokumen-dokumen yang ada dalam milik defendan akan dibawa lari atau dimusnahkan. Pengataan bahawa kemungkinan besar defendan akan memindahkan atau mengalihkan wang-wang dan aset-aset mereka ke India adalah semata-mata pengataan kosong yang tidak disokong oleh keterangan. Apatah lagi bila plaintif sendiri menyedari bahawa defendan ke India adalah untuk bersembahyang. Jelas bahawa tujuan plaintif untuk mendapat injunksi mareva adalah untuk menindas defendan dan hal ini tidak sepatutnya berlaku.

[3] Plaintif gagal memberitahu mahkamah tentang tujuan sebenar defendan pergi ke India dan dengan itu telah melakukan penyekatan fakta material. Atas alasan ini sahaja mahkamah sudah boleh mengenepikan perintah Anton Piller *ex parte* di sini. Plaintif juga telah melakukan salah nyataan bila mengemukakan 'laporan audit' yang dikatakan dibuat oleh firma T Chellapah & Co, yang mana telah dinafikan oleh firma tersebut.

[Permohonan dibenarkan; perintah ex parte bertarikh 14 Januari 1998 diketepikan.]

Kes yang dirujuk:
Anton Piller Kg v. Manufacturing Processes Ltd & Ors [1976] 1 All ER 779 ***(dirujuk)***
Creative Furnishing Sdn Bhd v. Wong Koi [1989] 2 MLJ 153 ***(dirujuk)***
Lim Kit Siang v. Datuk Dr Ling Liong Sik & Ors [1989] 5 MLJ 523 ***(dirujuk)***
Manor Electronics Ltd & Anor v. Dickson & Ors [1988] RPC (No 25) 618 ***(dirujuk)***
PMK Rajah v. Worldwide Commodities Sdn Bhd & Ors [1985] 1 MLJ 86 ***(diikuti)***
Thermax Ltd v. Schott Industrial Glass Ltd [1981] Fleet Street Reports 289 ***(dirujuk)***
Tsoi Ping Kwan v. Loh Lai Ngoh & Anor [1997] 3 CLJ 552 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 32 r. 6

Bagi pihak plaintif - Cantius Leo; T/n Yusof Khan & Pathmanathan
Bagi pihak defendan - Sri Dev Nair; T/n Anad & Noraini

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Hashim Yusoff J:

Di dalam permohonan secara *ex parte* melalui Saman Dalam Kamar kandungan (1) bertarikh 13 Januari 1998, plaintiff telah memohon perintah-perintah berikut:

i) Untuk injunksi mareva supaya defendan-defendan (sama ada secara individu atau melalui agen-agen mereka) ditegah atau dihalang daripada memindahkan/mengalihkan aset-aset dan wang-wang kepunyaan mereka dalam apa jua cara sekalipun sehingga perintah selanjutnya;

ii) Injunksi supaya defendan-defendan (sama ada secara individu atau melalui agen-agen mereka) ditegah daripada menjalankan perniagaan dalam apa cara yang melibatkan Indian Movie News;

iii) Perintah Anton Piller untuk membenarkan plaintif-plaintif membuat pemeriksaan/carian di kediaman dan premis perniagaan defendan-defendan dan merampas dokumen-dokumen dalam milikan defendan; dan

iv) Injunksi untuk menghalang defendan-defendan daripada menyebarkan pernyataan yang merupakan fitnah terhadap plaintif-plaintif.

Permohonan plaintif disokong oleh afidavit bertarikh 12 Januari 1998 oleh Arumynathan a/l Anthony (kandungan 2) iaitu "Editorial Director" Indian Movie News Publications Pte. Ltd. Singapore dan juga Pengarah Indian Movie News (M) Sdn. Bhd. Berdasarkan afidavit tersebut dan setelah mendengar hujahan peguamcara plaintif, mahkamah telah mengeluarkan perintah-perintah seperti yang dipohon itu pada 14 Januari 1998 (kandungan 4) (perintah tersebut). Kini, melalui Saman Dalam Kamar kandungan (14), defendan-defendan memohon supaya mahkamah mengenepikan perintah tersebut. Permohonan ini disokong oleh afidavit defendan pertama – kandungan (13).

Pada permulaan bicara kandungan (14) peguam plaintif membangkitkan bantahan awal bahawa oleh kerana injunksi sementara telah luput maka tiada apa perintah yang boleh diketepikan lagi. Mahkamah menolak bantahan awal plaintif ini kerana defendan telah failkan kandungan (14) dalam masa dua minggu dan A. 32 k. 6 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi membenarkan sesuatu perintah yang dibuat secara *ex parte*/diketepikan.

Peguam defendan menghujahkan perintah kandungan (4) mengandungi perintah Anton Piller yang berikut: Plaintif-plaintif dibenarkan membuat pemeriksaan/ carian di kediaman dan premis perniagaan defendan-defendan dan merampas dokumen-dokumen dalam milikan defendan" – adalah tidak sah dan/atau cacat kerana atas alasan:

(a) Perintah *ex parte* tersebut tidak mengandungi akujanji oleh peguamcara berkenaan dengan dia akan memberitahu defendan-defendan mengenai maksud terma-terma yang seharusnya dipatuhi oleh defendan-defendan.

(b) Wakil-wakil plaintif yang masuki premis perniagaan M.V.T. pada 21 Januari 1998 tidak memberitahu maksud benar perintah tersebut kepada defendan pertama dan defendan kedua.

(c) Wakil-wakil plaintif tidak diikuti oleh seorang peguamcara dari firma peguamcara plaintif.

(d) Perintah *ex parte* tersebut adalah luas dan tidak dan/atau gagal menunjukkan dengan tepat dokumen-dokumen yang diperlu atau diperiksa oleh plaintif.

(e) Perintah *ex parte* tersebut gagal menunjukkan dan/atau mencerminkan alamat premis yang plaintif ingin masuk dan memeriksa dokumen-dokumen yang diperlu.

Di dalam kes *Manor Electronics Ltd & Anor v. Dickson & Ors* [1988] RPC (No. 25) 618 – antara lain, diputuskan:

Held:

(1) The form of Anton Piller order, in providing that the plaintiffs' representatives "be entitled to enter" the first defendants' premises, instead of requiring the first defendant to permit such entry, was defective.

(3) The requirement that a plaintiff's solicitor supervise the execution of an Anton Piller order is to ensure that there is some responsible person who can give reliable evidence of what has taken place. The evidence of a solicitor, as an officer of the court, is likely in the event of a dispute to be believed in preference to that of the defendant and it is desirable that the solicitor should have no personal connection with the plaintiff. Here, it had been unwise, though not a breach of the order, that the solicitor in attendance should have been closely related to the plaintiffs' chief executive.

(4) There had been material non-disclosure of the plaintiffs' financial difficulties, so that their cross-undertaking in damages was worthless. In the absence of reference in the evidence to a plaintiff's financial substance, the *ex parte* judge will assume that it is adequate to support the cross-undertaking, he depends upon the plaintiff making full disclosure. If there has been such material non-disclosure, then the court's practice is to discharge the *ex parte* orders without going into the merits.

Begitu juga di dalam kes *Anton Piller Kg v. Manufacturing Processes Ltd & Ors* [1976] 1 All ER 779 diputuskan:

> Held: the court had an inherent jurisdiction to make such an order *ex parte*, but should exercise it only in an extreme case where there was grave danger of property being smuggled away or of vital evidence being destroyed. The plaintiff had to show that it was essential so that justice could be done between the parties and when it would do no real harm to the defendant or his case. The order was not, however, a search warrant authorising a plaintiff to enter a defendant's premises against his will, but an order on the defendant *in personam* to permit the plaintiff's entry or be in peril of proceedings for contempt of court. In the instant case, there was sufficient justification for making the order on an undertaking by the plaintiffs in damages.

(Jelas daripada autoriti-autoriti di atas, perintah Anton Piller dalam kes semasa adalah cacat kerana tidak mengikuti perkara-perkara seperti yang diperuntukan/ putuskan.)

Seterusnya dihujahkan bahawa plaintif gagal menunjukkan bahawa dokumen-dokumen yang ada dalam milikan defendan-defendan akan dibawa lari atau dimusnahkan. Plaintif-plaintif sendiri di dalam afidavit mereka menyatakan mereka telah memeriksa premis defendan semasa defendan-defendan berada di luar negeri. Defendan mengatakan plaintif-plaintif mengetahui defendan-defendan akan pergi ke India untuk mengerjakan sembahyang kerana defendan pertama ada menulis surat – kandungan 13 – 'THA 11' kepada pengarah plaintif (Nathan) pada 19 December 1997. Defendan-defendan juga mengatakan mereka menunggu plaintif-plaintif untuk melaksanakan perintah mahkamah tersebut walhal mereka jika mahu, sudah boleh memusnahkan dokumen-dokumen yang diambil oleh wakil-wakil plaintif kerana terma-terma perintah tersebut telah disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan – THA 5 kandungan 14. Tetapi defendan tidak memusnahkan atau membawa lari atau menyembunyikan dokumen-dokumen tersebut kerana ianya diambil oleh wakil-wakil plaintiff daripada premis perniagaan defendan-defendan.

Begitu juga plaintiff memperolehi perintah tersebut daripada mahkamah ini pada 14 Januari 1998 di atas satu 'certificate of urgency'. Tetapi pada keesokan harinya (15 Januari 1998) terma-terma perintah tersebut sudah tersiar di dalam akhbar-akhbar. Selalunya perintah Anton Piller diperolehi secara *ex parte* dan sulit tanpa pengetahuan pihak yang tertakluk kepada perintah itu. Tetapi dalam kes semasa defendan telah mendapat tahu tentang perintah Anton Piller ini melalui artikel di dalam akhbar tempatan sebelum plaintif melaksanakan perintah tersebut. Jadi apakah tujuan certificate of urgency jika perlaksanaan perintah tidak disegerakan. Walaupun plaintif menafikan memberi tahu media tentang perintah tersebut, siapa lagi yang berkepentingan berbuat demikian kecuali plaintif yang mempunyai pengetahuan mengenainya berbanding dengan defendan-defendan yang hanya mengetahuinya daripada akhbar-akhbar.

Perintah tersebut juga mengandungi injunksi mareva yang berbunyi:

> Defendan-defendan oleh mereka sendiri, ejen atau pengkhidmat mereka atau selainnya ditahan, dan suatu injunksi dengan ini diberikan menahan mereka daripada memindahkan/mengalihkan aset-aset dan wang-wang kepunyaan mereka dalam apa jua cara sekalipun.

Penghujahan peguam plaintif bahawa bukan perintah mareva yang dibuat oleh mahkamah tidak dapat diterima sebab permohonan mereka sendiri melalui Saman Dalam Kamar secara *ex parte* (kandungan 1) adalah antara lain untuk injunksi mareva dan ini juga diakui oleh peguam plaintiff di dalam penghujahan bertulisnya di ms 9 para 5 (viii)

Dalam kes *Creative Furnishing Sdn Bhd v. Wong Koi* [1989] 2 MLJ 153 Mahkamah Agung (ketika itu) memutuskan bahawa seseorang perakuan untuk injunksi mareva perlu menunjukkan:

> Held:
>
> i) In applying for the Mareva injunction the respondent must satisfy the court firstly that he had a good arguable case; secondly that the appellant had assets within the jurisdiction and thirdly that there was a real risk of the assets being dissipated or removed before judgment in that there must be solid evidence to establish the risk.
>
> ii) In this case the pleadings and affidavit evidence, it could not be said that the learned judge was wrong in law or in fact in his findings that the respondent had established, in his own words, 'a good arguable claim' and had assets within jurisdiction.
>
> iii) Mere refusal to pay a disputed debt and issuing of a dishonoured personal cheque by a director of the second defendant, who was not a party to the appeal, as presented before the learned judge, fell far too short of the necessary evidence to establish a real risk of dissipation of the assets of the appellant before judgment.

Dalam kes semasa, affidavit pengarah plaintiff kandungan (2) perenggan 10 menyatakan dia telah dimaklumkan defendan-defendan sekarang berada di India dan ada kemungkinan yang besar mereka akan memindahkan atau mengalihkan wang-wang dan aset-aset mereka ke negara tersebut kerana defendan-defendan mengetahui perkhidmatan mereka telah digantung dan besar kemungkinan plaintiff akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka berdua. Tetapi peguam defendan berhujah ini adalah pernyataan semata-mata dan tiada keterangan untuk menyokongnya. Tambahan lagi defendan telah memberitahu plaintiff tujuannya ke India ialah untuk sembahyang. Tanpa keterangan

sebaliknya, tujuan plaintiff untuk mendapat injunksi mareva ini jelas untuk menindas defendan-defendan dan hal ini tidak sepatutnya berlaku seperti yang diputuskan di dalam kes *Tsoi Ping Kwan v. Loh Lai Ngoh & Anor* [1997] 3 CLJ 552.

Begitu juga, dakwaan plaintiff bahawa defendan enggan untuk menjelaskan hutang kepada plaintiff (yang dinafikan oleh defendan) tidak mencukupi untuk membuktikan ada kemungkinan sebenar defendan akan melenyapkan aset-asetnya sebelum penghakiman seperti yang diputuskan di dalam kes *Creative Furnishing Sdn Bhd v. Wong Koi – supra.*

Salah Nyataan Dan Penyekatan Fakta Material

Seterusnya peguam defendan berhujah bahawa plaintif telah membuat pernyataan-pernyataan yang salah. Mengikut afidavit kandungan (2) perenggan 8 pengarah plaintif mengemukakan satu salinan "laporan audit" yang mempunyai cop "T. Chellapah & Co." (eks. 'F') untuk menyokong permohonan plaintif tentang gantiruginya sebanyak RM218,448,19. Tetapi melalui afidavit kandungan (12) *Arumugam a/l Arunasalam* rakan kongsi dalam firma public accountants yang bernama T. Chellapah & Co. telah menafikan (eks. 'F') laporan audit itu dikeluarkan oleh firmanya atau ditandatangani olehnya dan dipercayai adalah dokumen palsu. Oleh itu jelas 'laporan audit.' (Eksibit 'F') merupakan satu pernyataan yang salah.

Begitu juga plaintiff telah gagal untuk memberitahu mahkamah tujuan sebenar defendan-defendan pergi ke India ialah untuk mengerjakan ibadat sembahyang seperti yang dimaklumkan kepada pengarah plaintiff melalui surat defendan pertama bertarikh 19 December 1997 – kandungan (13) THA-11.

Dalam kes *PMK Rajah v. Worlwide Commodities Sdn Bhd & Ors* [1985] 1 MLJ 86 Zakaria Yatim H (ketika itu) antara lain memutuskan:

> Held:
>
> (1) the Plaintiff had made a false assertion in his affidavit in support of the *ex parte* application, which led the court to grant the first part of the order. If in applying for and obtaining an *ex parte* order the plaintiff had either misrepresented or suppressed material facts, the order would be dissolved on that ground alone.

Pengarah plaintif cuba mengatakan dalam kandungan 24 para 38 bahawa eks. F yang dipanggil satu 'laporan audit' adalah satu kesilapan yang tidak disengajakan. Perkara ini sukar dipercayai memandangkan deponen tersebut adalah seorang pengarah syarikat plaintiff selama tujuh tahun. Adalah tidak munasabah dia tidak mengetahui apakah laporan audit seperti yang dibentangkan melalui eks. 'F' dalam afidavitnya.

Dalam kes *Thermax Ltd v. Schott Industrial Glass Ltd* [1981] Fleet Street Reports 289 diputuskan:

> Held:
>
> Setting aside the mandatory part of the Order, that on an ex parte application the party seeking relief must make full disclosure to the court of all matters within his knowledge and that if he fails to do so, even where that failure was an error of judgment only and not deliberate, the order must be discharged without investigating its merits.

Mengenai injunksi untuk menghalang defendan-defendan daripada menyebarkan pernyataan-pernyataan yang merupakan fitnah terhadap plaintiff, jika dirujuk kepada kandungan (2) para 21 ke 26.2 ia merupakan pernyataan-pernyataan yang dikatakan memfitnahkan plaintiff. Dalam kes ini *Lim Kit Siang v. Datuk Dr Ling Liong Sik & Ors* [1989] 5 MLJ 523, diputuskan:

> (1) Perkataan-perkataan fitnah yang dikatakan mestilah dihasilkan semula kata demi kata dalam pernyataan tuntutan dan satu terjemahan yang diakui sah mestilah dikemukakan. Hanya menggambarkan isi, tujuan atau kesan perkataan-perkataan tidak mencukupi. Apa yang penting bukanlah fakta bahawa defendan pertama telah menggunakan ungkapan fitnah tetapi fakta tentang penggunaan ungkapan fitnah olehnya seperti yang dikatakan.

Berdasarkan sebab-sebab di atas mahkamah membenarkan permohonan defendan dalam kandungan (14) dan mengetepikan perintah *ex parte* bertarikh 14 Januari 1998 dengan kos dan satu siasatan dibuat untuk menentukan gantirugi yang dialami oleh defendan-defendan.